


PROSES KEJADIAN MANUSIA MENGIKUT AL-QURAN



Minggu pertama



Peringkat pertama bermula selepas persenyawaan (sperma + ovum) atau minggu pertama.

Allah berfirman dalam surah Al-Insan ayat kedua: **“Sesungguhnya kami telah menciptakan manusia daripada setitis air mani yang bercampur yang Kami (hendak mengujinya dengan perintah dan larangan), kerana itu Kami jadikan dia mendengar dan melihat.”**

Hujung minggu pertama (hari ketujuh)




Pada hari yang ketujuh telur yang sudah disenyawakan itu akan tertanam di dinding rahim.

Allah berfirman dalam surah Al-Mukminun ayat ke 14:

“Kemudian Kami mengubah Nutfah menjadi Alaqah.”


Minggu keempat



Al-Quran dalam surah Al-Hajj ayat kelima yang bermaksud:

“Lalu Kami ciptakan darah beku menjadi seketul daging.”

Minggu kelima



Berlaku pada minggu kelima, keenam dan ketujuh iaitu peringkat pembentukan tulang yang mendahului pembentukan otot-otot.

Firman Allah dalam Surah Al-Mukminun ayat ke 14 bermaksud: **“Lalu Kami mengubahkan pula mudghah itu menjadi izam dan kemudiannya Kami membalutkan izam dengan daging.”**

Minggu kelapan



Beberapa perubahan berlaku iaitu daripada embrio ke janin.

Pada bulan ketiga semua tulang janin telah terbentuk dengan sempurna, kuku-kukunya pun mula tumbuh.

Pada bulan keempat, pembentukan uri menjadi cukup lengkap menyebabkan baki pranatel bayi hanya untuk disempurnakan.

Peringkat peniupan roh berlaku selepas 40 hari dan selepas terbentuknya organ-organ tubuh termasuklah organ seks.